

# Juhar Canselor UMS pertama

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**KOTA KINABALU:** Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin menjadi Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) pertama menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang.

Beliau menerima penganugerahan itu dari University of Wolverhampton (UoW) United Kingdom (UK) yang disampaikan melalui Naib Canselor UoW

## ► Terima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang

Prof Geoff Layer.

Majlis Konvokesyen Komemoratif sempena penganugerahan berkenaan juga yang pertama seumpamanya dianugerahkan oleh universiti luar negara kepada penerima tempatan di UMS.

Sempena penganugerahan itu, Juhar turut menerima pelantikan secara rasmi sebagai Presiden Persatuan

Alumni UoW Malaysia.

Beliau dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada UoW atas penganugerahan berkenaan khususnya kepada Lembaga Pengurusan dan Lembaga Akademik UoW.

Juhar turut menganggap UoW sebagai universiti yang membentuk perspektif undang-undang dalam dirinya dari pelbagai aspek.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, perjalanan pendidikan Juhardi Wolverhampton

Polytechnic pada tahun 1977 dianggap sebagai permulaan kepada hubungan kerjasama antara UMS dan UoW.

Katanya, perkara itu juga membawa jalinan rapat antara kedua-dua universiti bukan sahaja melibatkan hubungan peribadi malah kerjasama dalam pendidikan tinggi di masa hadapan.

"UMS amat berbangga kerana mempunyai pemimpin yang berkemampuan dalam membantu mencapai misi dan visi universiti," katanya.

Sementara itu, Geoff berkata, tahun lepas

UMS dan UoW berjaya memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk membangunkan kerjasama perkongsian.

Menurutnya, ia melibatkan usaha pelaksanaan program pertukaran pelajar, peluang penyelidikan dan pendidikan merentas sempadan.

Beliau berkata, perkongsian berkenaan sebagai contoh kepada kecemerlangan kerjasama melibatkan dua universiti di peringkat antarabangsa.

Turut hadir, isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Norlidah RM Jasni.



**JUHAR** (kanan) ketika menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Geoff (kiri).